

11
CNS1615
R GB 28-11 00190 BH694
AAB

Mahathir - Harga
PERDANA MENTERI TIDAK SETUJU PENIAGA NAIKKAN HARGA

LANGKAWI, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bersetuju dengan sebarang kenaikan harga sewa hotel dan makanan di Langkawi semasa Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 (LIMA '93) dari 7 hingga 12 Dis ini.

Katanya, para peniaga perlu mengenakan harga bayaran yang sederhana dan seperti biasa semasa LIMA '93 sekiranya mereka mahu pelancong datang berkali-kali ke Langkawi dan bukan dengan cara menekan ketika orang terdesak.

"LIMA adalah usaha kerajaan. Kita pandang kepada keseluruhannya (untuk memberi) untung kepada ekonomi seluruh negara bukan keuntungan beberapa orang sahaja," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan singkat ke sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenaikan harga sewa hotel yang mungkin berlaku semasa LIMA '93 setelah akhbar melaporkan bahawa terdapat aduan mengenai agen penginapan rasmi LIMA '93, Towerlite Travel & Touts Sdn Bhd, mengenakan harga yang lebih tinggi daripada kadar yang tercetak bagi bilik penginapan bagi tempoh pameran itu. -- Lagi.

▼28/11/19-13MST

CNS1616
R GB 28-11 00154 BH695
AAB

Mahathir - Harga 2 Langkawi

Perdana Menteri berkata tindakan menaikkan harga semasa LIMA '93 akan memberi imej buruk kepada Langkawi kerana ia akan memberi gambaran seolah-olah rakyat negara ini hanya mahu mencari keuntungan.

Dr Mahathir berkata, para peniaga patut mengenakan harga yang sama sebelum atau semasa LIMA walaupun pada masa pertunjukan itu mereka tidak perlu memberi diskaun.

Mengenai alasan kononnya harga sewa hotel biasanya naik sehingga 50 peratus daripada harga biasa semasa pertunjukan udara di mana-mana negara, Perdana Menteri berkata, beliau sedar mengenai perkara itu.

Katanya, semasa Sukan Olimpik di Barcelona, Sepanyol, dahulupun para peniaga di negara itu menaikkan harga dan akhirnya orang tidak lagi berkunjung ke sana kerana mereka berasa tertipu.

"Kita boleh menaikkan harga tetapi berpatut padalah," katanya sambil menambah kata bahawa hotel-hotel mempunyai harga yang dicetak dan mereka tidak boleh mengenakan harga yang lebih daripada itu. -- Lagi.

▼28/11/19-19MST

CNS1617

R GB 28-11 00139 BH696

AAB

Mahathir - Harga 3 Langkawi

"Untuk menaikkan harga pada waktu ini (LIMA '93) bukan cara perniagaan yang sihat," katanya.

Ketika ditanya apakah tindakan kerajaan untuk mengawal kenaikan harga di sini semasa LIMA, beliau berkata: "Kita cuma boleh nasihat sahaja. Kita tak boleh nak tangkap orang..."

Beliau bagaimanapun berpuas hati bahawa persiapan LIMA berjalan dengan baik dan beliau yakin ia akan berjaya.

Mengenai Jambatan Kuala Kedah yang ditutup kepada lalulintas dan orang ramai mulai Rabu lepas setelah ia mengalami kerosakan serius akibat tiang tengahnya dilanggar oleh bot tunda yang membawa pasir pada 15 Nov lepas, Perdana Menteri berkata, beliau sedih perkara itu berlaku.

Katanya, reka bentuk jambatan itu sepatutnya mengambil kira kemungkinan berlaku perkara seumpama itu dan mengadakan penghadang yang mencukupi bagi mengelakkan kerosakan jambatan. -- Lagi.

▼28/11/19-23MST

CNS1619

R GB 28-11 00197 BH697

AAB

Mahathir - Harga 4 (Akhir) Langkawi

Dr Mahathir yang melawat jambatan itu pagi tadi, berkata di Jambatan Pulau Pinang terdapat binaan konkrit seperti pulau yang dibina mengelilingi tiang-tiang jambatan itu bagi melindunginya daripada dilanggar oleh kapal atau bot.

Beliau berkata, kerajaan akan membaiki jambatan itu, kerana tiada gunanya membina jambatan itu yang berharga RM8 juta sekiranya tidak boleh digunakan.

Ketika ditanya pandangan beliau mengenai kenyataan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat semalam bahawa RTM akan membekukan bahan siaran dari Australia sebagai tindakan membantah penghinaan Perdana Menteri Australia, Paul Keating dan para wartawan negara itu terhadap Dr Mahathir, beliau berkata, itu terpulang kepada RTM.

Katanya, kerajaan tidak akan mengambil sebarang tindakan lain kerana tindakan yang telah diambil mencukupi.

Perdana Menteri hari ini turut melawat Kuala Kedah serta menaiki helikopter untuk meninjau pembangunan projek-projek pelancongan di Gunung Jerai dan Empangan Pedu sebelum tiba di Langkawi pada kira-kira 12.20 tengah hari.

Di sini, beliau melawat pusat pameran LIMA '93 di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, hotel Berjaya Langkawi Beach Resort di Teluk Burau dan projek pengubah suai dan pembesaran Masjid Al-Hana di Kuah. -- Bernama.

KHY AZ.

▼28/11/19-26MST